

FOKUS: BAGAIMANA PAS KELANTAN BOLEH DITEWASKAN

Cengkaman Pas Sudah Longgar

Kelantan sedang berubah, kata orang politik. UMNO menunggu-nunggu hasil perubahan itu. Pas pula mendakwa ia tidak tergugat

Oleh RAHAIZA ISMAIL

ANGIN perubahan di Kelantan sudah mula bertiup. Para pemerhati politik yang proUMNO membuat ramalan bahawa kerajaan Pas akan tumbang di tangan UMNO dalam pilihan raya umum tidak lama lagi.

Ia disebabkan faktor orang Kelantan sendiri dikatakan mahu beralih angin. Mereka sudah jemu dengan retorik Pas sehinggakan ceramah-ceramah Pas dikatakan semakin susut para pendengarnya. Di masjid juga ketegangan telah reda dan tidak lagi kedengaran khutbah-khutbah lantang berbaur politik menghentam UMNO. Trend sebegitu sudah tidak menjadi popular buat masa ini. Bagi kebanyakan pemerhati politik, Pas sendiri sedar tentang perubahan itu dan kelihatan lebih berhati-hati dalam bertindak.

Penerimaan orang Kelantan terhadap UMNO hari ini sudah tidak seperti suatu ketika dahulu. Mereka tidak lagi melihat UMNO dari jauh. Telah ramai yang hadir ke majlis anjuran UMNO untuk mendengar apa yang orang UMNO kata.

Majlis perhimpunan rakyat Kelantan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada pertengahan Januari adalah bukti bahawa pemimpin UMNO sudah boleh diterima di negeri Lindungan Bulan itu. Tidak kira di Kota Bharu mahupun Jeli, ribuan rakyat Kelantan mengambil peluang untuk mendengar apa yang disampaikan oleh Dr. Mahathir pada hari itu. Itu tandanya mereka juga kagum dengan ketokohan Perdana Menteri, kata seorang penganalisis politik.

Di kedai-kedai kopi, orang Kelantan sudah tidak berminat untuk mengutuk atau mencerca lagi. Mereka lebih sibuk bercakap mengenai peluang-peluang ekonomi yang harus direbut. Anak-anak muda juga tidak berminat dengan politik Pas sebaliknya sentiasa berbin-cang untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik di luar Kelantan. Fenomena ini menggambarkan orang Kelantan sudah tidak setaksud dahulu terhadap Pas. "Ini maknanya cengkaman

Pas di Kelantan sebenarnya sudah amat longgar. Orang sudah tidak berminat dengan retorik Pas tetapi lebih mementingkan masa depan mereka," kata Penolong Pengarah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Shauki Abdul Majid kepada MASSA.

Menurut Shauki, angin perubahan di Kelantan disebabkan banyak perkara. Ia bukan disebabkan oleh UMNO semata-mata tetapi berpunca daripada kelemahan Pas sendiri. Pertama, isu dalaman Pas yang masih belum diselesaikan hingga ke hari ini. Ura-ura perebutan bagi mengisi jawatan Timbalan Presiden Pas selepas kematian Datuk Fadzil Noor tahun lalu telah menyebabkan Pas terpecah kepada tiga puak utama iaitu puak yang menyokong Ustaz Halim Abdul Rahman, puak Wan Muttalib

Embong (orang kuat Hadi Awang) dan ketiga, puak yang menyokong kepimpinan Hassan Shukri.

Selain itu, Pas juga dilihat sebagai dalam keadaan terdesak. Parti itu tiada barisan pelapis. Sehingga hari ini, menurut Shauki, Pas masih mencari-cari calon-calon muda dari pelbagai profesion untuk diketengahkan sebagai muka baru. Ini merupakan satu tamparan kepada Pas memandangkan generasi muda hari ini kebanyakannya lebih rasional membuat pilihan. Tambahan pula, Pas sendiri sudah ketandusan isu untuk digunakan bagi tujuan mempengaruhi masyarakat. "Orang Kelantan sendiri mengakui Pas memang tidak boleh buat apa-apa untuk bangunkan Kelantan. Mereka hanya tahu kutuk orang lain sahaja," ujarnya.